

13/03/2004

Dr Mahathir terima anugerah UUM

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menerima Anugerah Mahaputra Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai mengiktiraf jasa beliau mencetuskan idea penubuhan universiti pengurusan pertama di Malaysia.

Anugerah khas disampaikan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah pada majlis Bankuet Diraja Alumni UUM, di sini malam tadi.

Sultan Kedah yang juga Canselor UUM dalam titah ucapan baginda merakamkan penghargaan kepada Dr Mahathir kerana menyumbang jasa amat besar kepada universiti itu.

"Nilai anugerah ini amat kecil berbanding jasa dan pengorbanan yang dicurahkan Dr Mahathir kepada bangsa dan negara, khususnya UUM," titah baginda.

Turut berangkat pada majlis itu ialah Sultanah Kedah, Sultanah Haminah Hamidun.